

NO. DOKUMEN: JKNJ-G- AK 01

ARAHAN KERJA: KAWALAN KAD RAWATAN

No. Salinan Kawalan:

Dikeluarkan Kepada:

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
Petugas Kaunter	1. KAD RAWATAN PESAKIT PERGIGIAN 1.1. Kad Rawatan Pesakit Baru 1.1.1. Kad Rawatan LP8 2019 mempunyai 3 kategori perkhidmatan pergigian yang berkuatkuasa penggunaan mulai 1 Januari 2021 iaitu: i. L.P.8 - 1 Pin.8/2019 (Warna Hijau) Untuk kanak-kanak dan murid sekolah yang berumur kurang 18 tahun (0-17 tahun) termasuk pesakit kanak-kanak yang tidak bersekolah. ii. L.P.8 - 2 Pin.8/2019 (Warna Merah) Untuk pesakit dewasa yang berumur 18 tahun ke atas. iii. L.P.8 - 3 Pin.8/2019 (Warna Kuning) Untuk semua pesakit am yang menjalankan pemeriksaan pergigian semasa program masyarakat/komuniti. 1.1.2. Sila isi maklumat pesakit di bahagian A (Maklumat Am) pada kad rawatan pergigian mengikut kategori yang betul. 1.1.3. Panduan untuk mengisi maklumat asas secara manual disediakan. Rujuk (Dokumen Luaran): - Panduan Mengisi Kad Rawatan Pergigian LP8 2019 Edisi 2022 - <i>Guidelines for Dental Record Keeping and Dental Charting 2024</i>

PP / JP / PPP / PPK	- Panduan Submodul eLP8 1.2. Kebenaran rawatan pada Kad Rawatan LP8. 1.2.1. Pengambilan kebenaran rawatan pada Kad Rawatan LP8 2019 harus mematuhi prosedur seperti yang digariskan dalam dokumen Pengurusan Kebenaran Rawatan Pergigian KKM yang telah dikemaskini dan berkuatkuasa pada 15 Januari 2020. Rujuk (Dokumen Luaran): - Pengurusan Kebenaran Rawatan Pergigian (Edisi Ketiga, 2019) dan Panduan Mengisi Kad Rawatan Pergigian LP8 2019 Edisi 2022 - <i>Guidelines for Dental Record Keeping and Dental Charting 2024</i> - Panduan Submodul eLP8 1.3. Mengesan kad rawatan 1.3.1. Data pesakit dikesan melalui sistem yang digunapakai sama ada menggunakan Sistem Pendaftaran/ Pelaporan <i>Dental Information System Clinical (DIS: Clinical)</i> selaras dengan arahan terkini Program Kesihatan Pergigian KKM 1.3.2. Pengesanan kad rawatan berpandukan kategori berikut: Warganegara- Rujuk kepada 4 angka hujung kad pengenalan yang tercatat pada kad LP1 pin 1/86 /kad pengenalan/kad polis atau sijil lahir. Warga asing - Rujuk kepada 4 angka hujung passport yang tercatat pada kad LP1 pin 1/86 Rujuk (Dokumen Luaran): - Panduan Mengisi Kad Rawatan Pergigian LP8 2019 Edisi 2022 - Panduan Submodul eLP8
----------------------------	--

	1.4. Memfail Kad Failkan kad berdasarkan kategori: 1.4.1. Warganegara Malaysia Failkan kad-kad rawatan mengikut 4 angka terakhir kad pengenalan, kad polis atau sijil kelahiran. Sekiranya sijil lahir tidak dikemukakan pada pertama kali hadir, gunakan 4 angka terakhir daripada kad pengenalan ibu bapa/penjaga diikuti dengan huruf P seperti XXXX/P. 1.4.2. Warga asing Penyimpanan rekod adalah mengikut 4 angka terakhir passport. Rujuk (Dokumen Luaran): Panduan Mengisi Kad Rawatan Pergigian LP8 2019 Edisi 2022 2. KAD-KAD RAWATAN SEKOLAH/PRASEKOLAH 2.1. Failkan kad-kad rawatan sekolah dengan mengikut nama sekolah di tempat yang disediakan. 3. KAD- KAD RAWATAN PROGRAM MASYARAKAT / KOMUNITI 3.1. Failkan kad-kad rawatan program masyarakat/ komuniti mengikut aktiviti/program yang dijalankan.
--	---

NO. DOKUMEN: JKNJ-G- AK 01

ARAHAN KERJA: KAWALAN KAD RAWATAN

	JAWATAN	TANDATANGAN
Disediakan oleh:	Dr Siti Faridah Bte Othman Pegawai Pergigian UG 14	
Diluluskan oleh:	Datin Dr. Nazita Binti Yaacob Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian)	